

Headline	Thunderbolt ke separuh akhir		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	25 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	192,982
Page No	37	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	171 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 5,789
Frequency	Daily	PR Value	MYR 17,368



Thunderbolt ke separuh akhir

Kuala Lumpur: Seperti dijangka juara bertahan, Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail Thunderbolt (SSTMI Thunderbolt) tiada halangan sukar mara ke pusingan separuh akhir pusingan pertama Piala Milo, Rabu ini selepas menewaskan Sekolah Sukan Kuala Lumpur (SSKL) 5-1 pada pusingan kedua suku akhir di Stadium Kementerian Pelajaran Malaysia, Lembah Pantai, semalam.

Kemenangan besar itu membenarkan wakil selatan tanah air itu untuk menang bergaya dengan agregat 9-1 sekali gus memberi gambaran mereka berada di landasan selesa mempertahankan gelaran juara berganda seperti mana diraih tahun lalu.

Langkah penuh semangat
 “Kami melangkah ke separuh akhir dengan penuh semangat - tanpa kecederaan dan pemain yang digantung - dan kami mengimpikan mengulangi kejayaan seperti mana tahun lalu,” kata pengurus pasukan, Adam Izamry Idrus ketika dihubungi semalam.

SSTMI Thunderbolt bakal berdepan MBI-Anderson yang juga menumpaskan PHK-MSS Kelantan di saingan suku akhir dengan agregat 9-3. “Kami pernah tewas dengan lawan sebelum ini... sudah tentu kami

perlu lebih berwaspada.”

Dua jaringan SSTMI Thunderbolt di jaringan Mohd Sufi Ismat Rohulamin pada minit ke-8 dan 63. Tiga gol lain dihasilkan Shahrusahadan Basri (m-12), Shahril Saabah (m-34) dan Aminuddin Zain (m-48). Gol tunggal SSKL yang juga juara liga Divisyen Dua musim ini dihasilkan Khairul Amirin Jalil pada minit ke-14.



Keputusan

Pusingan ke-2 suku akhir

- ⊙ UniKL 6 M H S 0
(UniKL mn agregat 13-0)
- ⊙ SSTMI Thunderbolt 5 SSKL 1
(SSTMI layak agregat 9-1)
- ⊙ MBI Anderson 4 PHK-MSS Kelantan 2 (Anderson layak agregat 9-3)
- ⊙ SSTMI Jr 4 MBPJ 4
(SSTMI Jr layak agregat 8-7)

